

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1995/96

Mac/April 1996

HGF 221 Geografi Fizikal

Masa: [3 jam]

---

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN (8) SOALAN DI  
DALAM TIGA (3) HALAMAN.

Jawab EMPAT (4) soalan, SATU (1) dari setiap bahagian.

BAHAGIAN A

1. Jumlah bahangan gelombang pendek yang diserap oleh sesuatu permukaan di bumi adalah bergantung kepada berbagai proses di atmosfera dan di bumi. Huraikan.  
(25 markah)
2. Sejak dekad 1970an, aktiviti manusia telah membawa kepada banyak perubahan di dalam unsur-unsur cuaca dan iklim. Bincangkan pernyataan ini dengan merujuk kepada perubahan iklim mikro dan iklim global.  
(25 markah)

**BAHAGIAN B**

3. [a] Bandingkan amalan-amalan pertanian tradisi di hutan hujan khatulistiwa dengan amalan-amalan pertanian moden di Malaysia.  
(10 markah)
- [b] Apakah implikasi-implikasi kedua-dua jenis pertanian terhadap alam sekitar hutan tersebut?  
(15 markah)
4. Dengan menggunakan analisis sistem, huraikan bagaimana tumbuh-tumbuhan gurun telah menyesuaikan tumbesaran di kawasan gurun.  
(25 markah)

**BAHAGIAN C**

5. "Letusan gunung berapi akan memberikan lebih banyak kebaikan berbanding dengan keburukan". Berpandukan kepada beberapa kejadian letusan gunung berapi, kaji pernyataan tersebut secara kritikal.  
(25 markah)
6. [a] Huraikan secara ringkas latarbelakang teori plat tektonik.  
(10 markah)
- [b] Bincangkan kenapa teori hanyutan benua yang telah dikemukakan oleh Alfred Wegener mendapat tentangan.  
(15 markah)

**BAHAGIAN D**

7. [a] Dengan menggunakan sebuah gambarajah lengkap jelaskan dengan ringkas hubungkait di antara komponen-komponen utama kitaran hidrologi.  
(10 markah)
- [b] Bandingkan proses-proses yang dilalui oleh air hujan yang turun di kawasan bandar dan kawasan luar bandar.  
(15 markah)
8. "Pembangunan pesat di Bandaraya Kuala Lumpur telah membawa banyak perubahan kepada ciri-ciri hidrologinya". Hujahkan pernyataan ini dengan berpandukan kepada contoh-contoh dari kajian-kajian yang telah dijalankan.  
(25 markah)

--ooo000ooo--